



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TUDUNG DAN HUKUM SYARA'

Sekiranya kita telusuri perkara yang berkaitan dengan makanan dan barangan halal dan haram, sejak dahulu lagi, banyak isu yang telah timbul di negara ini. Kita pernah kecoh tentang isu berus bulu khinzir yang digunakan untuk menyapu mentega apam balik, ayam daging import yang tidak disembelih mengikut syara', ayam dicampur dengan daging babi di sebuah pasar raya dan terakhir sekali adalah isu sosej yang dibungkus dengan usus babi. Memang tidak dapat dinafikan, umat Islam di negara ini memang sangat peka terhadap isu barangan dan makanan halal-haram. Namun apa yang kerap diperhatikan adalah, kepekaan umat terhadap isu-isu ini hanya muncul buat sementara; umat akan sibuk membuat ulasan, pandangan dan kritikan hanya apabila isu ini panas dimainkan oleh pihak akhbar dan televisyen tetapi sejurus selepas isu-isu tersebut tidak dimuatkan lagi, masyarakat pun terlupa dan pihak yang terlibat pun ikut terlenu semula....

Yang lebih menyedihkan lagi adalah, isu makanan halal-haram ini adalah isu yang bermusim yang seringkali dimainkan oleh pihak media cetak dan elektronik setiap kali kemunculannya. Jarang sekali kita melihat isu ini dibincangkan dari aspek pemikiran Islam yang jernih dan juga sistem dan pengaturan yang wajib ada bersamanya. Ini termasuklah mengenai konsep halal-haram di sisi Islam secara terperinci dan seterusnya mengenai penerapan sistem halal-haram yang lebih komprehensif dan mendalam, supaya masalah seperti ini dapat ditangani dengan tuntas.

Tudung – Ya atau Tidak?

Selain isu makanan halal-haram, isu busana Muslimah juga turut menjadi perbincangan hangat dan mendapat respon yang bercampur baur. Sebagai contoh baru-baru ini Pengetua SMK Abdullah Munshi di Pulau Pinang, melarang pelajarannya yang berumur 15 – 18 tahun dari mewakili sekolah dalam perlawanan bola jaring negeri kerana membuka tudung semasa bermain [**New Straits Times 23 Mac 2006**]; di Pahang, terdapat pula guru di sebuah sekolah aliran agama, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Sentang, yang telah menggantung tudung labuh pelajarannya seramai 65 orang kerana tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh mereka [**Utusan Malaysia bertarikh 25 Februari, 2006**]; begitu juga nasib seorang Muslimah, Habsah Jaafar yang dibuang kerja kerana majikannya, Hotel Renaissance, tidak membenarkan beliau memakai tudung semasa berkerja [**Utusan Malaysia 27 Februari 2006**]. Baru-baru ini pula, Ketua Polis Negara Tan Sri Omar Bakri memerankan banyak pihak dengan kenyataannya mewajibkan polis wanita memakai tudung semasa bertugas dengan alasan keseragaman [**New Straits Times 22 Mac 2006**] namun isu ini diredakan oleh kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan bahawa pemakaian tudung hanyalah pilihan, bukan wajib, kecuali untuk perbarisan rasmi, di mana mereka perlu mengikuti peraturan [**Mingguan Malaysia 26 Mac 2006**].

Lebih menyedihkan lagi adalah 'mazhab' yang dianuti oleh artis dan isteri para menteri; mereka akan memakai tudung hanya apabila melakukan umrah atau haji serta ketika menghadiri majlis keagamaan tetapi akan meninggalkannya apabila tidak terlibat

dalam majlis tersebut dan itu pun pemakaiannya tidak mengikut hukum yang sepatutnya. Artis pula menganggap 'menudung' hati adalah lebih utama daripada menudungkan kepala, sehinggakan mereka akan memakainya hanya apabila sudah sampai 'seru' seperti kenyataan penyanyi terkenal Siti Norhaliza yang dihabarkan sebelum ini akan memakai tudung satu hari nanti, dan masih dianggap 'baik' oleh sesetengah pihak [**Al Islam Ogos 2004 m/s 13**]. Selain itu juga, Norhayati Kaprawai dari SIS (Sister In Islam) pernah mengatakan semasa sesi Dialog Islam Liberal di Hotel Selesa, Pasir Gudang bahawa pakaian taqwa itu yang lebih baik daripada menutup aurat.

Respon kepada isu ini menampilkan bahawa ada pihak yang bersetuju dengan pemakaian tudung dan tidak kurang juga pihak yang mengecam. Sebagai contoh, kemunculan ahli parlimen Indera Mahkota, Pahang, seperti seorang pelawak, mendedahkan bahawa anaknya telah dipulaukan di *Methodist Girls' School*, Kuantan kerana tidak memakai tudung dan mempersoalkan kenapa berlaku diskriminasi kepada yang tidak bertudung. Sepatutnya Ahli Parlimen terbabit menyokong tindakan tersebut dan memboikot anaknya yang tidak bertudung serta memuji komuniti sekolah tersebut kerana memmanifestasikan ruh Islam.

Isu tudung juga hangat diperdebatkan di Perancis dan United Kingdom. Di Perancis sebagai contoh, apabila pemakaian tudung tidak dibenarkan di sekolah-sekolahnya, ia telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan umat Islam seluruh dunia. Di London pula sebelum ini, Shabina Begum, 17 tahun telah dibenarkan memakai jilbab dan tudung ke sekolah oleh mahkamah, namun begitu keputusan

tersebut telah ditarik balik, dan akhirnya dia tidak dapat bersekolah.

Tudung ... Hukum Syara’?

Isu tudung pada hakikatnya tidak sepatutnya menjadi polemik masyarakat umat Islam yang tidak berkesudahan. Isu ini bukanlah isu etika berpakaian sehingga ia harus dipertimbangkan sama ada perlu atau tidak, sesuai atau tidak kepada masyarakat kita atau bila dan di mana ia wajar dipakai. Isu ini bukanlah isu yang boleh diperdebatkan atau dibincangkan dalam mencari kaedah perlaksanaan yang terbaik, atau samada ia harus diwajibkan atau tidak. Isu tudung adalah isu yang menyangkut soal hukum syara’ dan kedaulatannya. Oleh yang demikian, umat Islam wajib memartabatkan hukum syara’ dan wajib terikat di setiap masa dan detik tanpa menilai pangkat mahupun kedudukan. Inilah hakikat pemakaian tudung.

Tudung telah di**WAJIB**kan oleh Allah dalam firmanNya yang amat jelas:

“...Dan hendaklah mereka (wanita beriman) menutup kain tudung mereka ke paras dada...”
[TMQ an-Nur:31]

Kehendak ayat ini adalah jelas. Allah tidak menerangkan lebih lanjut tentang maksud ayat ini dan tidak terdapat hadis qauli (ucapan Nabi) yang sahih tentangnya. Namun begitu, hadis iqrari (perakuan Nabi) yang sahih tentangnya amat banyak sekali. Ini merupakan hadis berbentuk perakuan Nabi terhadap para sahabat wanita yang semuanya bertudung setelah turun ayat tersebut. Di antaranya adalah:

Yang pertama, hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Ibn Jarir daripada ‘Aishah radhiAllahu ‘anha:

”Allah merahmati wanita-wanita Muhajirin yang pertama, apabila turunnya ayat (yang bermaksud) “...dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka...”, serta-merta mereka mengoyakkan apa sahaja kain (yang ada di sekeliling mereka) lalu bertudung dengannya.”

Kedua, hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dan Abu Dawud daripada Safiyyah binti Shaybah katanya:

”Ketika kami bersama ‘Aisha r.a., kami menyebut-nyebut tentang kelebihan-kelebihan wanita Quraisy, lalu ‘Aisha menyampuk: “Memang benar wanita Quraisy ada kelebihan, tetapi demi Allah sesungguhnya aku tidak pernah melihat wanita yang lebih baik daripada wanita Ansar dari segi kuatnya iman dan pegangan mereka terhadap kitab Allah. Apabila Allah turunkan ayat (yang bermaksud) “...dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka...”, serta-merta suami-suami mereka balik dan

membacakan kepada mereka apa yang Allah turunkan kepada mereka, anak perempuan mereka, saudara perempuan mereka dan semua kaum kerabat mereka, sehingga tiada seorang perempuan pun daripada mereka melainkan bergegas mencari apa saja kain yang ada di sekeliling mereka lalu bertudung dengannya sebagai membenarkan dan membuktikan iman kepada apa yang Allah turunkan, maka jadilah mereka wanita-wanita yang bertudung bersama Rasulullah saw., seperti sekumpulan gagak hitam berada atas kepala mereka.”

Jelas sekali, apabila perintah kewajiban memakai tudung diturunkan, kaum wanita Islam zaman awal tidak mempersoalkan sama ada boleh atau tidak, sesuai atau tidak, bila dan di mana dan tidak pula meminta para cendekiawan atau pemimpin mereka membincangkan soal pemakaian tudung; namun mereka bergegas menyambut perintah tersebut dengan mengoyakkan sebahagian kain sarung mereka untuk menutup kepala dan dada. Mereka melakukannya kerana menginginkan keredhaan Allah semata-mata dan bukan kerana ingin mendapatkan keredhaan manusia atas nama ‘glamour’, peraturan sekolah, undang-undang tempat kerja, periuk nasi, tidak sampai ‘seru’, pakaian ‘taqwa’ lebih baik atau pelbagai lagi alasan yang tidak masuk akal. Golongan wanita Muslim awal seperti inilah sepatutnya dijadikan contoh dan teladan kepada kaum wanita zaman kini untuk segera melaksanakan perintah pemakaian tudung, sekiranya merasakan diri merupakan wanita yang beriman kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala

Perintah Agama atau Kenyataan Politik?

Jelasnya, tudung adalah kewajiban agama yang penting. Kewajiban ini dihasilkan secara langsung dari sumber-sumber Islam dan bukan merupakan hasil kenyataan politik terkini umat Islam. Hukum tudung telah ditetapkan oleh ulama salaf yang membentangkan keperluannya seribu tahun sebelum fenomena kebangkitan semula Islam. Hari ini, tudung telah menjadi isu kontroversi umat dan ahli politik; oleh itu, motivasi luhur yang menyangkut soal pemakaian tudung bagi menutup aurat hendaklah lahir hanya dari perasaan/ruh Islam dan bukan yang lain. Tambahan pula, pemakaian tudung yang tidak diasaskan kepada rasa tanggungjawab untuk menegakkan hukum syara’ dan mendapat keredhaan Allah tidaklah bermakna di sisiNya. Ini adalah kerana motivasi menutup aurat seperti ini masih tidak dikaitkan kepada perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala. Pahala dan keredhaan Allah hanya akan diperoleh ketika melakukan sesuatu kewajiban semata-mata keranaNya dan bukan atas alasan yang lain.

Khatimah

Pemakaian tudung adalah suatu kewajiban syara’. Ia bukanlah isu yang terkait dengan pilihan peribadi. Tanggapan bahawa adalah salah menghukum

seseorang kerana ia tidak memakai tudung merupakan suatu tanggapan yang terpesong. Tudung juga tidak boleh dianggap sebagai adat budaya orang Melayu. Bagi umat Islam di Malaysia, pendidikan mengenai tudung, hakikat syara'nya dan cara pemakaiannya yang betul hendaklah diperhebatkan. Ini adalah perlu kerana ramai di antara kaum Muslimin dan Muslimat di Malaysia tidak difahamkan dengan jelas, sama ada oleh individu-individu di sekelilingnya, masyarakat, keluarga mahupun pemerintah tentang kewajiban mengenakan tudung dan pakaian menutup aurat yang sah di sisi syara'. Dengan pemahaman ini, masyarakat akan lebih peka mengenai aturan syara' dalam penutupan aurat. Seterusnya, ini akan menimbulkan kepekaan yang amat tinggi di dalam masyarakat; tegur menegur atas kebaikan, khususnya di dalam isu pemakaian tudung dan busana Islam yang betul akan berleluasa dan nuansa Islam akan menyelubungi seluruh umat.

Di samping teguran dan tunjukan, hukuman takzir juga hendaklah dilaksanakan oleh negara kepada sesiapa yang tidak melaksanakan pemakaian tudung dan busana Islam yang sah di sisi syara'. Ini pernah dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid II, Khalifah Uthmaniyyah Turki, dengan mengeluarkan pekikeling mendeda wanita yang tidak memakai tudung. Kalau sekiranya kompromi tidak diberikan terhadap pesalah trafik, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Trafik Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner II Nooryah

Md Anvar [**Berita Harian 23 Mac 2006**], begitu juga sepatutnya kita melayan kesalahan wanita yang tidak memakai menutup aurat dengan betul. Wanita yang melanggar hukum ini sepatutnya dikenakan denda kerana melanggar hukum syara'.

Semua ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sebenar-benarnya kecuali sekiranya semua pihak, tidak kira individu, masyarakat mahupun negara bekerjasama sepenuhnya melaksanakan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Walaubagaimanapun, perlu diingat bahawa ini hanyalah sebahagian kecil dari hukum Islam yang telah ditinggalkan dan dipandang remeh. Hukum pemakaian tudung wajib dilaksanakan bersama-sama dengan hukum-hukum, peraturan dan sistem Islam yang lain seperti sistem ekonomi, pemerintahan, pendidikan, penghukuman dan sistem sosial. Dengan kata lain, Islam perlulah dilaksanakan secara kaffah (menyeluruh).

Wahai Umat Islam yang dimuliakan oleh Allah, sedarlah bahawa keterikatan kita kepada Islam mewajibkan kita untuk melaksanakan kesemua aspek hukum-hukumnya. Namun, hakikatnya, ini tidak akan mampu dilaksanakan kecuali dengan kita saling bahu membahu berdakwa mengikut jalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah dan menegakkan Daulah Khilafah yang akan membawa rahmat keseluruh alam ini. Amin

JAWAPAN KEPADA ASTORA JABAT

•••Bicara SN•••

Astora Jabat (AJ) melalui artikelnya di dalam majalah Al-Islam keluaran April 2006 yang bertajuk Penubuhan Parti Islam Baru di Malaysia telah menulis panjang lebar berkenaan Hizb-ut-tahrir (HT). Artikel berkenaan parti ini telah dimuatkan dalam 6 halaman, memenuhi lebih kurang 10% dari jumlah ruangan 84 mukasurat. Pihak pembaca yang dapat mengkaji dengan teliti tulisan beliau ini, pasti mereka akan mendapati tulisan AJ yang sebenar adalah amat sedikit sekali; yang banyak dimuatkan adalah artikel *copy & paste* dari laman web mykhilafah, Hizb-ut-tahrir dan laman web PAS.

Dari segi kerangka penulisan pula, AJ pembukaan artikel menceritakan tentang seminar Khilafah dan Alam Melayu, sebagai sekapur sirih untuk membantai Hizb-ut-tahrir yang beliau label sebagai puak pengganas dan pelampau agama. Penulis juga seolah-olah ingin membuktikan kepada pembaca bahawa dakwaan beliau adalah benar kerana adanya penglibatan Salleh Sariya dalam percubaan membunuh Anwar Sadat. Yang menariknya lagi penulis tanpa segan silu telah mengitar semula artikel setahun yang lepas mengenai komen Tuan Guru Haji Abdul Hadi terhadap Hizb-ut-tahrir. Seterusnya AJ membuat komentari mengenai HT dengan dakwaan tanpa asas: *"Bagaimanapun, semua bahan mengenai HT dalam Bahasa Melayu Malaysia, Bahasa Melayu Indonesia dan Bahasa Inggeris tidak sama dengan bahan-bahan yang terkandung dalam buku para pemimpinnya walaupun ada yang merupakan terjemahannya kerana telah*

diolah dan diubah suai, supaya sesuai dengan pembaca Malaysia, pembaca Indonesia dan pembaca berbahasa Inggeris". Kemudian penulis mengemukakan petikan dari kitab HT sendiri untuk menguatkan hujah.

Sanggahan Terhadap Dakwaan AJ

Dari penulisan ini, kita dapat saksikan sendiri jenayah akademik yang dilakukan oleh orang yang fanatik kepada sekularisme seperti AJ. Bagi menyanggah penulisan beliau yang penuh dengan kesalahan, perlu kami jelaskan terlebih dahulu hakikat sebenar mengenai Salleh Sariya kepada umat. *Salleh Sariya bukannya dari anggota Hizb-ut-tahrir, dan Hizb-ut-tahrir tidak ada kaitan dengan cubaan untuk membunuh Anwar Sadat. Salleh Sariya pernah mengkaji beberapa pelajaran dengan HT sebelum itu. Namun Salleh Sariya meninggalkan HT kerana beliau tidak bersetuju dengan jalan perjuangan Hizb (perjuangan tanpa senjata). Selepas dia meninggalkan HT dia menggunakan caranya sendiri yang tidak ada kaitan dengan Hizb-ut-tahrir.* Kekeliruan AJ dalam penulisan jelas terserlah apabila beliau cuba mengaitkan HT dengan tindakan bersenjata akibat dari pengkajiannya yang bersifat 'serong' untuk mencari-cari kesalahan gerakan-gerakan Islam. Pendapat peribadi AJ terhadap HT ternyata jauh panggang dari api. Tariqah dakwah HT adalah tariqah Rasulullah di mana Rasulullah tidak pernah mengangkat senjata dalam usaha baginda untuk menegakkan Islam. Fakta ini sudah

lihat mukasurat sebelah [4].....

diketahui di mana-mana sahaja HT bergerak di seluruh dunia.

AJ nampaknya ingin membuktikan kepada umat bahawa Hizb 'menipu' umat tentang perjuangan HT yang sebenar dengan tujuan mengaburi pemikiran sebenarnya sebagaimana yang didakwa oleh AJ di halaman 4, **“Bagaimanapun, semua bahan mengenai HT dalam Bahasa Melayu Malaysia, Bahasa Melayu Indonesia dan bahasa Inggeris tidak sama dengan bahan-bahan terkandung dalam buku para pemimpinnya walaupun ada yang merupakan terjemahannya kerana telah diolah dan diubah suai, supaya sesuai dengan pembaca Malaysia, pembaca Indonesia dan pembaca berbahasa Inggeris”**. Untuk membuktikan kebatilan hujah AJ ini, kami ingin memetik petikan yang ke-empat yang diambil oleh AJ. Dengan hanya mengeluarkan kenyataan umum tanpa fakta, bukan sahaja Astora gagal menunjukkan bahawa HTM atau HTI atau HTB menterjemah dengan salah, bahkan AJ sendiri telah menterjemah karya Syaikh Taqiuddin Al-Nabhani dengan cara yang salah. Sebagai buktinya kami utarakan hujah di bawah:

Petikan dari Buku Takattul Hizbi di dalam bahasa Arab

Petikan ke-empat ini adalah *copy & paste* AJ dari buku Takattul Hizbi ms. 54, yang kononnya mengandungi fakta yang sengaja disembunyikan pihak HT.

١٨ - المرحلة الثالثة، هي مرحلة الوصول إلى الحكم. إن الحزب يصل إلى الحكم عن طريق الأمة وأعمال طلب النصرة، وينفذ المبدأ دفعة واحدة، وذلك ما يسمى بالطريقة الانتقالية. وهذه الطريقة لا تقبل الاشتراك في الحكم مجزءاً، بل تأخذ الحكم كله، وتتخذ طريقة لتطبيق المبدأ، وليس غاية. وتنفذ المبدأ الإسلامي تنفيذاً انقلابياً، ولا تقبل طريقة التدرج مهما كانت الظروف.

Terjemahan Bahasa Inggeris

18. *The third stage is acquiring the authority. The Hizb acquires the authority through the Ummah and the work is known as seeking Nusrat. It implements the ideology in its totality, which is known as the radical method. This method does not allow sharing authority in government, but seizes complete power and uses it as a method to implement the complete ideology. It does not accept the gradual method, regardless of any existing circumstances.*

Terjemahan bahasa Indonesia

18. *Tahap yang ketiga adalah tahap pengambil-alihan pemerintahan. Partai mengambil alih pemerintahan melalui umat dan menerapkan ideologi secara sekaligus. Inilah yang disebut metode revolusioner. Method ini tidak membolehkan partai bergabung ke dalam pemerintahan yang menerapkan hukum Islam secara parsial. Partai*

harus mengambil alih pemerintahan secara total dan menjadikannya sebagai metode untuk menerapkan ideologi, bukan sebagai tujuan perjuangan. Method ini mengharuskan penerapan ideologi Islam secara revolusioner, tidak membolehkan penerapan ideologi secara bertahap, bagaimanapun juga keadaannya.”

Pembaca yang memahami bahasa Arab pasti tidak akan menemukan manipulasi dari karya asal dalam terjemahan petikan ke-empat ini, dan HT tidak berhasrat untuk mengaburkan mana-mana pemikiran asalnya. Bagi kami tulisan di atas adalah jelas, bahawa HT inginkan perubahan yang bersifat *inqilabiah* iaitu perubahan yang *total* di mana hukum-hukum Islam diterapkan 100% bukannya dipilih-pilih sesuai dengan kehendak hawa nafsu. Apa yang diinginkan oleh HT adalah penerapan Islam yang *syumul*.

AJ telah menterjemah kalimat *inqilabiyyah* sebagai *rampasan kuasa* untuk mengelirukan umat dan secara tidak langsung untuk mengatakan bahawa perjuangan HT adalah dengan cara fizikal (bersenjata). Perlu dipertegas di sini bahawa HT tidak menyokong tindakan bersenjata atau tindakan fizikal sebagai jalan untuk mendirikan Khilafah. Hal ini jelas termaktub dalam tulisan pengasas HT sendiri dalam kitab Mafahim HT ms. 74-76 yang menjelaskan bahawa meneladani (ta'asi) perbuatan Rasulullah dalam melakukan perubahan sosio-politik masyarakat adalah dengan cara fikriyyah (intelektual) dan dakwah, bukannya dengan cara yang lain. Banyak lagi tulisan HT yang menolak cara fizikal (bersenjata) semasa bergerak dalam melakukan perubahan ke atas masyarakat. HT membatasi aktiviti kepada aktiviti fikriyyah dan dakwah, sebagaimana tercatat dalam kitab Manhaj fi Taghyir, Ta'rif HT, Takattul Hizbi dan lain-lain. HTM sendiri telah mengeluarkan Sautun Nahdhah yang bertajuk *Perjuangan Intelektual Tanpa Senjata* yang sarat dengan dalil dan hujah untuk menerangkan masalah ini.

Akhir kata ingin kami memberi nasihat kepada AJ supaya berlaku ikhlas dalam penulisan-penulisan beliau. Kajilah dengan betul pemikiran HT. Rujukan boleh dibuat kepada laman-laman web HT yang memenuhi ruang siber serta buku-buku rasmi HT. Kejahilan saudara AJ tentang kami mungkin akan terubat sekiranya beliau mengkaji dengan ikhlas dan benar sumber-sumber tersebut. Usaha membuat tulisan yang penuh dengan pembohongan dan melaga-lagakan kami dengan gerakan Islam yang lain. Sebagai Muslim, kami amat menghormati saudara seIslam kami meskipun kami berbeza pendapat.

Ingatlah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam pernah berpesan **“Jika anda tidak malu maka perbuatlah sesuka hatimu”**. Marilah kita sama-sama kembali kepada Islam dalam setiap pemikiran dan perbuatan kita. Semoga Allah memberi keredhaan dan kerahmatan kepada mereka yang berpegang teguh pada jalanNya.

Nasyrah Mingguan:

**Hizbut Tahrir
MALAYSIA**

www.hizb-ut-tahrir.info

Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Tiada Hakcipta dalam Islam. Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-mailkan kepada htm@mykhilafah.com atau layari www.mykhilafah.com